# KAROK SELEBRITI

# TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

**A. TERMA-TERMA ASAS**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | **Penganjur** | Astro Radio Sdn Bhd |
| 2. | **Stesen Radio** | ERA fm |
| 3. | **Nama Peraduan** | KAROK SELEBRITI |
| 4. | **Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan** | Peserta hanya perlu menjawab nama selebriti yang menyanyi untuk berpeluang memenangi wang tunai RM 400 tapi sekiranya jawapan yang diberikan itu salah, wang tersebut akan dibawa ke segmen seterusnya. |
| 5. | **Mekanisma ringkas Peraduan** | 1. Peserta perlu jadi pemanggil terpantas untuk menyertai Peraduan ini<br>2. Penyampai radio akan mainkan sedutan lagu yang dinyanyikan oleh seorang selebriti<br>3. Peserta perlu menjawab nama selebriti yang menyanyi untuk berpeluang memenangi wang tunai RM 400<br>4. Sekiranya jawapan yang diberikan oleh peserta itu salah, wang tunai RM 400 akan dibawa ke peringkat seterusnya. |
| 6. | **Kriteria Kelayakan** | Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 20 Mac 2017. |
| 7. | **Ketidaklayakan** | Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :-<br><br>a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut;<br><br>b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;<br><br>c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;<br><br>d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini. |
| 8. | **Umur Kelayakan** | Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 20 Mac 2017. |
| 9. | **Caj** | Caj telekomunikasi lazim terpakai |
| 10. | **Tempoh Peraduan** | 20 Mac 2017 hingga 31 Mac 2017. |
| 11. | **Bahasa Peraduan** | Bahasa Malaysia. |
| 12. | **Prosedur Penyertaan** | Peserta hanya perlu menjadi pemanggil terpantas dan menjawab soalan yang diberikan. |
| 13. | **Tarikh Tutup Penyertaan** | 31 Mac 2017 (11.59pm) |
| 14. | **Cara Penghantaran** | Melalui Panggilan Telefon |

| | | |
|---|---|---|
| 15. | **Alamat** | Astro Radio Sdn Bhd,<br>All Asia Broadcast Centre,<br>Technology Park Malaysia,<br>Bukit Jalil, 57000<br>Kuala Lumpur |
| 16. | **Pemilihan Pemenang** | Pemanggil terpantas yang berjaya menjawab nama selebriti yang menyanyi dalam sedutan yang diberi dengan betul |
| 17. | **Hadiah** | Wang tunai RM 400 |
| 18. | **Pemberitahuan Pemenang Peraduan** | Pengumuman akan dilakukan sebaik sahaja segmen peraduan tamat |
| 19. | **Tempoh Pengambilan Hadiah** | Seperti diumumkan oleh Pihak Penganjur. |
| 20. | **Tempat Pengambilan Hadiah** | Cek akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh Pemenang selepas segmen peraduan tamat |
| 21. | **Terma-terma tambahan, jika ada** | Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaian, kesilapan dan / atau kesalahan pihak Penganjur. |

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.